

04 FEB 1997

KADAR FAEDAH PERNIAGAAN DI MALAYSIA MENINGKAT

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Tumpuan khas kerajaan terhadap teknologi maklumat (IT), pendidikan, pembuatan berteknologi tinggi dan sektor pelancongan telah mengakibatkan kenaikan kadar faedah perniagaan di negara ini.

Pengarah Urusan Frank Small & Associates (M) Sdn Bhd, Iain Bell, menyatakan pertumbuhan ekonomi sembilan tahun berturut-turut telah membuat syarikat-syarikat mengkaji semula permintaan bagi barangan pengguna dan bagaimana ia boleh menjadi sebahagian kitar kenaikan ekonomi yang memberangsangkan itu.

"Malaysia berada di bahagian atas senarai membeli belah," kata beliau sambil merujuk kepada syarikat-syarikat yang mempunyai minat tinggi untuk melabur di negara ini.

Bell menyatakan dalam satu kenyataan hari ini memandangkan perkara tersebut, syarikat asing telah melabur dengan banyak dalam penyelidikan pasaran untuk mengetahui suasana pasaran tempatan dengan lebih baik.

Oleh yang demikian, beliau menyatakan terdapat minat yang banyak sejak kerajaan mengumumkan komitmennya terhadap Koridor Raya Multimedia (MSC) di Putrajaya, iaitu pusat pentadbiran baru kerajaan.

Minat tersebut kian bertambah sejak lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Amerika Syarikat dan Jepun baru-baru ini, kata beliau.

"Banyak syarikat IT ingin mengetahui bagaimana MSC akan memberi faedah kepada mereka," kata Bell.

Bell menyatakan Malaysia masih berkedudukan baik untuk mengambil kesempatan daripada pelaburan asing kerana kos melakukan perniagaan di negara ini masih lagi kompetitif.

Frank Small Associates, adalah jururunding pemasaran dan penyelidikan yang terkemuka di Malaysia, ia adalah sebahagian daripada SOFRES International yang mempunyai pejabat di Australia, China, Hong Kong, Jepun, Korea, Indonesia, India, Filipina, Singapura, Taiwan, Thailand dan Vietnam.

-- BERNAMA

ZMY RIF/sia